

BELANJAWAN 2026
GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGECCUALIAN CUKAI PENDAPATAN
BAGI PERUSAHAAN SOSIAL YANG DILULUSKAN 3.0

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menerangkan prosedur dan syarat permohonan oleh Perusahaan Sosial untuk mendapatkan kelulusan di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi pengecualian cukai ke atas semua pendapatan Perusahaan Sosial sehingga 3 tahun taksiran tertakluk kepada tempoh sah laku akreditasi yang diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2026.

2. TERMA DAN SYARAT-SYARAT

2.1 Perusahaan Sosial yang layak memohon untuk mendapat kelulusan di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 hendaklah memenuhi semua kriteria seperti berikut:

- (a) Perusahaan Sosial hendaklah berdaftar dengan mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia dan menjalankan perniagaan di Malaysia sekurang-kurangnya bagi tempoh 2 tahun seperti berikut:
 - (i) Syarikat, Milikan Tunggal, Perkongsian dan Perkongsian Liabiliti Terhad berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - (ii) Sebuah pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Pendaftar Pertubuhan Malaysia);
 - (iii) Sebuah pertubuhan perbadanan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri);
 - (iv) Koperasi berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) – tidak termasuk koperasi yang diberi pengecualian cukai pendapatan di bawah Perenggan 12, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967;
 - (v) Entiti perniagaan di Sabah dan Sarawak berdaftar dengan pihak berkuasa atau pejabat daerah di Sabah dan Sarawak; dan
 - (vi) Lain-lain entiti berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain di Malaysia;
- (b) Perusahaan Sosial hendaklah suatu entiti yang tidak dipegang atau dimiliki oleh syarikat yang lain;
- (c) Organisasi mestilah memenuhi deskripsi Perusahaan Sosial yang berkuatkuasa di Malaysia;

- (d) Objektif penubuhan adalah secara aktif memberi kesan sosial atau alam sekitar yang positif dan dalam keadaan kewangan yang stabil. Aktiviti Perusahaan Sosial hendaklah menghasilkan impak yang positif kepada kumpulan sasaran / penerima manfaat yang jelas termasuk golongan yang dalam kesusahan dan memerlukan perlindungan;
- (e) Perusahaan Sosial hendaklah mendapat kelulusan akreditasi sebagai Perusahaan Sosial (SE.AC) daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2028;
- (f) Perusahaan Sosial yang diakreditasi hendaklah memastikan pendapatan diperolehi daripada aktiviti perniagaan adalah 51% dan lebih daripada jumlah keseluruhan pendapatan dalam tempoh kelulusan pengecualian cukai; dan
- (g) Sekiranya Perusahaan Sosial telah mendapat kelulusan pengecualian cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 atau telah mendapat kelulusan insentif / galakan cukai yang lain, permohonan pengecualian cukai pendapatan ini tidak akan dipertimbangkan.

2.2 Syarat-syarat yang perlu dipatuhi semasa dalam tempoh kelulusan di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah seperti berikut:

- (a) Mematuhi syarat-syarat / kriteria kelayakan yang telah ditetapkan sebagai Perusahaan Sosial yang diakreditasi seperti berikut:
 - (i) Mengemukakan penyata akaun terkini / penyata kewangan tahunan beraudit / penyata untung/rugi / akaun pengurusan dan laporan pengukuran impak sosial dan / atau alam sekitar setiap tahun kepada Bahagian Cukai, MOF dalam tempoh 6 bulan selepas tempoh kewangan berakhir;
 - (ii) Perusahaan Sosial yang diluluskan hendaklah mematuhi dan memastikan bahawa 51% dan lebih keuntungan yang diperolehi disalurkan untuk misi sosial dan / atau alam sekitar di Malaysia. Sekiranya penerima manfaat adalah selain daripada rakyat Malaysia, had bantuan hendaklah tidak melebihi 10% daripada 51% keuntungan yang diperolehi dalam tahun semasa;
 - (iii) Perusahaan Sosial yang diluluskan hendaklah memastikan 51% dan lebih pendapatan adalah diperolehi daripada aktiviti perniagaan;
 - (iv) Didorong oleh matlamat sosial dan bertujuan untuk menghasilkan impak yang positif kepada kumpulan sasaran yang jelas; dan

- (v) Penerima manfaat sosial bukan sahaja terhad kepada rakyat Malaysia tetapi turut menyasarkan selain daripada rakyat Malaysia yang sedang berada dalam kesusahan dan memerlukan bantuan atau perlindungan, atas dasar kemanusiaan.

3. PROSEDUR PERMOHONAN

3.1 Permohonan secara bertulis hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan dilampirkan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:

- (a) Salinan sijil pendaftaran entiti;
- (b) Sijil akreditasi daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi;
- (c) Dokumen yang menyatakan tujuan penubuhan dengan jelas dan program-program misi sosial dan alam sekitar;
- (d) Penyata akaun / penyata kewangan tahunan beraudit / penyata untung/rugi / akaun pengurusan bagi tempoh 2 tahun sebelum tahun permohonan; dan
- (e) Rancangan Perniagaan bagi tempoh 3 tahun.

3.2 Permohonan yang lengkap boleh dikemukakan ke alamat berikut:

Setiausaha Bahagian Cukai
Aras 6, Blok Tengah
Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Wilayah Persekutuan Putrajaya

4. TEMPOH PERMOHONAN DAN TEMPOH KELULUSAN

- 4.1 Tempoh permohonan di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah mulai 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2028.
- 4.2 Tempoh kelulusan di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah 3 tahun taksiran berturut-turut, tertakluk kepada tempoh sah laku Akreditasi Perusahaan Sosial.

5. LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN

5.1 Bagi tujuan lanjutan tempoh kelulusan, Perusahaan Sosial hendaklah mengemukakan permohonan rasmi secara bertulis kepada Kementerian Kewangan dalam tempoh enam (6) bulan sebelum kelulusan sedia ada tamat tempoh berserta justifikasi dan dokumen sokongan seperti berikut:

- (a) Surat kelulusan pengecualian cukai sedia ada;
- (b) Salinan sijil pendaftaran entiti;
- (c) Sijil akreditasi daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi;
- (d) Dokumen yang menyatakan tujuan penubuhan dengan jelas dan program-program misi sosial dan alam sekitar;
- (e) Laporan mengenai impak sosial yang tercapai sepanjang tempoh kelulusan sedia ada;
- (f) Penyata akaun / penyata kewangan tahunan beraudit / penyata untung/rugi / akaun pengurusan sepanjang tempoh kelulusan sedia ada; dan
- (g) Rancangan Perniagaan bagi tempoh 3 tahun yang seterusnya.

5.2 Lanjutan tempoh kelulusan adalah tertakluk kepada tempoh sah laku Akreditasi Perusahaan Sosial. Permohonan yang dikemukakan akan diberikan pertimbangan oleh Kementerian Kewangan berdasarkan semakan rekod pematuhan dan dokumen sokongan yang dikemukakan.

6. KELULUSAN DI TARIK BALIK

YB Menteri Kewangan pada bila-bila masa berhak untuk menarik balik kelulusan pengecualian cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967, sekiranya Perusahaan Sosial yang diluluskan didapati gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan pengecualian cukai pendapatan di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Pendapatan bagi tahun kelulusan yang ditarik balik akan dikenakan cukai pendapatan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

7. PEMBUBARAN PERUSAHAAN SOSIAL

Sekiranya Perusahaan Sosial yang telah diluluskan pengecualian cukai pendapatan memberhentikan operasi sebagai Perusahaan Sosial, Perusahaan Sosial tersebut hendaklah memaklumkan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Kewangan dengan kadar segera.

Disediakan oleh:

Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan
27 April 2026